

18/08/1998

Pemain negara digesa buktikan keupayaan

Hussain Said

DENGAN hanya tinggal 23 hari lagi acara badminton Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI akan bermula, pemain negara disaran mengutamakan kesihatan dan keselamatan masing-masing.

Selain itu, mereka juga diminta memberi tumpuan sepenuhnya untuk mengukuhkan kekuatan mental serta fizikal untuk mencapai kegemilangan.

Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata aspek yang ditekankan itu adalah penting dan harus diambil perhatian oleh setiap pemain.

"Badminton adalah antara harapan negara untuk meraih pingat emas dalam temasya ini. Jadi, pemain harus ingat tanggungjawab itu dan sebagai tuan rumah, kita harus buktikan keupayaan dengan memenangi sebanyak mungkin pingat.

"Malah, saya harus kecewa sekiranya sesetengah pemain menarik diri pada saat akhir kerana mengalami kecederaan.

"Oleh itu, saya harap semua pemain menjaga setiap aspek mulai sekarang," katanya ketika melawat persiapan pemain di Stadium Badminton Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Presiden BAM, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Dalam lawatan itu juga, Dr Siti Hasmah menyampaikan insentif hadiah kemenangan berjumlah RM90,000 yang disediakan BAM dan sebuah peti sejuk sumbangan sebuah syarikat kepada pasukan badminton lelaki yang muncul naib juara Piala Thomas di Hong Kong, Mei lalu.

Semua sembilan anggota skuad Piala Thomas negara, Ong Ewe Hock, Yong Hock Kin, Roslin Hashim, Wong Choon Hann, Cheah Soon Kit, Yap Kim Hock, Choong Tan Fook, Lee Wan Wah dan Tan Kim Her menerima RM10,000 setiap seorang.

Hadiah kemenangan itu adalah yang kedua diterima selepas menerima sejumlah RM84,000 menerusi skim hadiah kemenangan Majlis Sukan Negara (MSN) yang membolehkan setiap pemain menerima RM8,000, jurulatih RM8,000 dan BAM RM4,000, Jun lalu.

Dr Siti Hasmah juga mahukan pemain memahami saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya bermain untuk negara dan bukannya kepentingan peribadi.

"Jadi, pemain harus berjuang untuk negara, berdisiplin tinggi serta memusatkan tumpuan dalam latihan untuk mencapai kejayaan untuk negara.

"Kejayaan yang dicapai adalah untuk negara dan ini adalah masa yang tepat untuk memenangi pingat di tempat sendiri," katanya.

Dalam acara badminton yang bermula dua hari lebih awal, Malaysia berharap memenangi tiga pingat emas, kesemuanya dari bahagian lelaki - acara berpasukan, perseorangan dan beregu.

(END)